

Saya tidak tunjukkan pada Fadzil Noor — Mahathir

KUALA LUMPUR 3 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan “kecamannya” terhadap PAS di Kedah semalam dituju kepada kelakuan Ismail Libya yang membuat pengakuan di televisyen (tentang peristiwa Memali) tetapi bercakap dengan nada lain di luar.

Perdana Menteri berkata kenyataannya yang menyifatkan PAS sebagai parti yang mempunyai lidah bercabang sepuluh kerana “hari ini mereka bercakap lain dan esok bercakap lain pula” tidak ditunjukkan kepada Timbalan Yang Dipertua PAS, Haji Fadzil Noor seperti yang ditafsirkan oleh akhbar - akhbar.

“Saya sendiri buat kecaman terhadap PAS mengenai cara - cara mereka membuat satu pengakuan dalam televisyen tetapi lepas itu cakap lain pula kemudian daripada itu. Dalam ucapan saya itu, saya sebut tentang kelakuan Ismail Libya (adik Ibrahim Libya),” katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Presiden UMNO itu menerangkan ungkapan “lidah bercabang” itu adalah tuduhannya terhadap PAS yang tidak tepat dalam apa yang diperkatakan.

Mengenai pengakuan Ismail Libya di televisyen, Perdana Menteri menegaskan Ismail Libya bercakap dengan begitu lancang dan tiap - tiap soalan dijawab dengan begitu lantang tanpa sebarang ugutan.

“Tidak ada langsung orang pegang pistol (menunding kepalanya). Mustahil kerajaan buat kerja macam itu,” tegasnya sebagai menjawab ceramah - ceramah PAS yang mendakwa Ismail Libya diugut untuk membuat pengakuan itu.

Menurutnya, Ismail Libya bercakap lain di TV dan di luar lain kerana takutkan PAS yang biasanya kalau ahlinya cuba menjauhkan diri daripada parti, mereka akan diugut, dipulau dan tidak mahu disembahyang mayat.

“Pulau - memulau dan tak mahu sembahyang mayat adalah perkara biasa dibuat oleh PAS. Jadi orang ini tentu takut kepada PAS dan sanggup ikut arahan PAS kerana takut ugutan.”

“Kita juga tahu dalam ceramah - ceramah PAS, mereka kutip wang dan ada komisen kepada orang - orang yang mengutip wang itu dengan tidak ada akaun yang tersusun. Mungkin juga ada faedah bagi sesiapa yang bekerjasama dengan PAS,” ujarnya.